

## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. PROF. DR. RAHA ABDUL RAHIM**

**NAIB CANSELOR**

---

## **MAJLIS PENUTUP**

**KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)**

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA KALI KE-5**

**2 JULAI 2019 (SELASA); 4:15 PETANG**

**DEWAN AUDITORIUM, CANSELORI**

**YBhg. Prof. Datuk Teknologis Dr. Mohd Razali bin Muhamad**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**YBhg. Prof. Dr. Zulkifilie bin Ibrahim**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**YBhg. Prof. Madya Dr. Nurulfajar Bin Abd Manap**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong-Penolong Naib Canselor

**Y.Berusaha Encik Mohd. Anuar bin Abdul Karim**  
Perunding Utama dari TRC Consulting  
Merangkap Ketua Panel

2

**Y.Berusaha Encik Muhammad Hafiz bin Sabarudin, dan**

**Y.Berusaha Cik Siti Sakinah binti Mohd Zaki**

Selaku Panel dari Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Wilayah Selatan

**Y.Berusaha Encik Masdzarif bin Mahat**

Ketua Pegawai Operasi merangkap Pengurus Jawatankuasa Pemandu KIK UTeM

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Para peserta Konvensyen KIK yang diraikan, staf, serta hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera,  
Salam Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau, Bersih.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas nikmat dan kurniaNya, sekali lagi kita dapat menganjurkan Majlis Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UTeM kali ke-5 bagi tahun 2019 pada petang ini.
2. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada Ahli Jawatankuasa Pemandu KIK UTeM yang dipengerusikan oleh Yang Berusaha Encik Masdzarif bin Mahat, Ketua Pegawai Operasi UTeM kerana telah bertungkus-lumus bagi memastikan penganjuran majlis Konvensyen Kumpulan

Kreatif dan Inovatif kali ini dapat diadakan dengan jayanya di universiti ini. Penganjuran Majlis Konvensyen KIK yang telahpun masuk kali ke-5 ini, merupakan usaha berterusan pihak Universiti untuk terus maju melangkah ke hadapan demi mencipta lebih kecemerlangan dan kegemilangan Universiti sama ada diperingkat kebangsaan maupun antarabangsa.

3. Saya berharap agar segala ilmu pengetahuan serta teknik yang telah diperoleh melalui KIK ini dapat diaplikasikan dalam kerja-kerja sehari-hari tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Sebagai staf yang inginkan kecemerlangan dalam kerjaya seharusnya mempunyai satu sikap yang positif, inovatif dan objektif yang jelas untuk dituju.

**Hadirin dan hadirat sekalian,**

4. Penganjuran Konvensyen KIK ini adalah suatu inisiatif penting yang bukan sekadar satu retorik atau acara yang biasa-biasa sahaja yang hanya disertai oleh peserta-peserta konvensyen. Dalam konteks yang lebih luas, konvensyen KIK ini hendaklah diterjemahkan sebagai komitmen berterusan dari semua Ketua Pusat Tanggungjawab untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan terutamanya kepada pemegang taruh di setiap Pusat Tanggungjawab masing-masing.
5. Penganjuran konvensyen diperingkat UTeM yang mula diperkenalkan pada tahun 2014, merupakan inisiatif Universiti dalam membudayakan elemen kreativiti dan inovasi di dalam diri

setiap warga universiti dari pelbagai kategori jawatan dan peringkat organisasi. Dalam menghadapi cabaran persekitaran yang semakin kompleks masa kini, warga UTeM perlu sentiasa berani merintis pembaharuan demi meningkatkan lagi perkhidmatan sedia ada ke tahap yang lebih cemerlang bagi merealisasikan visi dan misi universiti ini sebagai sebuah universiti teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia.

6. Alhamdulillah, Konvensyen KIK UTeM kali ini telah disertai oleh 6 kumpulan dari 6 PTj iaitu :

- Kumpulan **Missing** dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)
- Kumpulan **FAME** dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)

- Kumpulan **DIGITAL FKEKK** dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK)
- Kumpulan **Achieve** dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
- Kumpulan **Steekers** dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE) dan,
- Kumpulan **Top** Pejabat Bendahari.

Tahniah kepada semua kumpulan-kumpulan ini.

## **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

7. Saya difahamkan bahawa Kumpulan KIK UTeM telah berjaya meraih pelbagai kecemerlangan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.
  - Pada tahun 2016, Kumpulan MOLIA dari Perpustakaan Laman Hikmah menerusi projek Eureka Tag telah ke Singapura dan memperoleh penarafan emas dua bintang.
  - Manakala, Kumpulan techITez dari Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi menerusi projek Sistem Pendaftaran Pintar Pelajar Baharu (i-Reg), dapat menjimatkan masa pendaftaran kepada 5 minit sahaja bagi

setiap pelajar, semasa sesi pendaftaran pelajar baharu berlangsung. Projek ini telah dipertandingkan di Bangkok dan berjaya menerima penarafan emas.

- Pada tahun 2017 pula, Kumpulan GoGreen dari FKM dan GoSave dari FKE telah bertanding di peringkat antarabangsa di Manila, juga meraih penarafan emas bagi projek KIK yang mereka pertandingkan.
8. Selain itu, di peringkat kebangsaan pula, Kumpulan ThinkBig dari Pejabat Pendaftar, POLISH dari Perpustakaan Laman Hikmah, AE Tech dari FKP dan GMART dari Pejabat Pembangunan telah menerima pengiktirafan emas di Regional Convention On Team Excellence 2017. Menariknya, projek yang diperkenalkan oleh

GMART yang memberi solusi penjimatan penggunaan air pada pili tempat wudhuk, dapat menjimatkan bil utiliti serta mengelakkan pembaziran penggunaan air. Menerusi inovasi ini, diharapkan ianya dapat diperkenal dan diperluaskan ke semua masjid-masjid di dalam negeri dan negara ini, untuk pengurusan masjid yang lebih efektif.

9. Pada tahun 2019, kecemerlangan UTeM diteruskan dengan penyertaan Kumpulan GoGreen dari FKM untuk bertanding di peringkat antarabangsa yang bakal diadakan di Jepun pada bulan September yang akan datang.

10. Apa yang diharapkan, kumpulan KIK ini dapat terus mencipta lebih banyak kejayaan, sekaligus dapat memperkenal dan mengharumkan nama UTeM sebaris dengan Universiti dan Institusi yang termasyhur di persada dunia.

### **Hadirin dan Hadirat Sekalian,**

11. Saya yakin, menerusi penganjuran Konvensyen KIK UTeM yang diadakan pada setiap tahun ini, mampu membentuk dan membudayakan warga universiti dalam mempelbagaikan dimensi inovasi sehingga mampu menjadi penyumbang solusi atau *solution provider* terhadap ekosistem persekitaran khususnya kepada pihak industri dan masyarakat setempat. Ianya juga turut menggalakkan budaya inovasi dalam cara berfikir, bertindak dan

sanggup berubah supaya terus relevan dan selari dengan keperluan perkhidmatan dan amalan kerja semasa yang semakin mencabar masa kini.

12. Menerusi gabungan cetusan idea kreatif dan inovatif dari setiap para peserta, saya amat yakin, projek-projek KIK yang dihasilkan ini turut mengaplikasikan teknologi terkini yang mampu memberi solusi terbaik terhadap persekitaran yang lebih mesra dan kondusif, secara langsung dapat menyumbang kepada tahap kehidupan yang lebih baik dan sempurna.
13. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua kumpulan yang bertanding dalam Konvensyen KIK UTeM pada kali ini.

14. Bagi kumpulan yang memenangi anugerah pada petang ini, jadikanlah ia satu inspirasi untuk terus menjana idea-idea kreatif bagi meningkatkan prestasi masing-masing. Bagi kumpulan yang kurang berjaya, ambil pendekatan positif untuk terus berusaha mencungkil idea-idea baru yang lebih kreatif demi kecemerlangan UTeM.

Perabot jati dari Sulawesi,  
Terukir indah seni ukiran,  
KIK menjana kreativiti dan inovasi,  
Meningkat kualiti, mutu perkhidmatan.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh. Terima Kasih.